

10 AUG 2003

I

TEMPOH JAWATAN PRESIDEN PARTI MCA DIHADKAN KEPADA MAKSIMA SEMBILAN TAHUN

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Perhimpunan Agung MCA ke-50 hari ini meluluskan cadangan untuk meminda perlembagaan parti bagi menghadkan tempoh seseorang anggota yang memegang jawatan Presiden parti itu, kepada maksima sembilan tahun sahaja.

Mengikut Artikel 40 perlembagaan parti, tiada sesiapa yang boleh memegang jawatannya dalam parti lebih dari tempoh sembilan tahun, bermula dari tarikh beliau memegang jawatan tersebut.

Resolusi yang dibentangkan oleh Setiausaha Agung parti, Tan Sri Ting Chew Peh itu diterima sebulat suara oleh 2,000 delegasi perhimpunan yang berlangsung di ibu pejabat parti itu di Wisma MCA di sini.

Ting berkata cadangan itu dibentangkan selepas majoriti daripada ahli di peringkat akar umbi mahukan perubahan tersebut dan bagi mengelak perebutan kuasa dalam parti.

"Sembilan tahun adalah mencukupi bagi seseorang untuk melaksanakan wawasan politiknya," katanya semasa berucap pada perhimpunan yang dirasmikan oleh perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pagi ini.

Pergerakan Wanita dan Pemuda MCA sebulat suara meluluskan resolusi itu pada perhimpunan mereka semalam, iaitu resolusi untuk menghadkan tempoh penggal ketua masing-masing kepada sembilan tahun.

-- BERNAMA

VP AZZ AZH